



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 15 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	HARGA BERAS PUTIH RM30 SEKAMPIT, DALAM NEGERI, UM 1 & 3 APUNG HARGA BERAS TEMPATAN LEBIH EFISIEN, SELESAI ISU BEKALAN, DALAM NEGERI, UM -10 TIADA GUNA ADA LESEN TETAPI BERAS TIDAK CUKUP, DALAM NEGERI, UM -10 SELARAS HARGA HANYA KUKUHKAN MONOPOLI, DALAM NEGERI, UM -10 HARGA SILING BERAS MADANI RM30, NASIONAL, SH -1 & 2 HARGA MUNASABAH, PASTIKAN ADA BEKALAN - MYDIN, NASIONAL, SH -2 PERLU JAMIN BEKALAN BERAS MENCUKUPI, NASIONAL, SH -3 PENETAPAN HARGA RM30 DAPAT BANTU PESAWAH, NASIONAL, SH -3 KERAJAAN PERKENAL BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI, NASIONAL, BH -3 GOVT TO INTRODUCE MALAYSIA MADANI WHITE RICE, IN THE MARKET FROM MARCH 1, BIZ, THE SUN -13 END DISRUPTION TO LOCAL WHITE RICE SUPPLY, LETTER, NST -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
12. 13. 14.	KKM GUNA KAEDAH ISOTOP TENTUKAN KETULENAN MADU, NASIONAL, BH -16 45 DARIPADA 769 SAMPEL TAK PATUH STANDARD, LOKAL, HM -17 BANYAK MADU TIPU, NEGARA, KOSMO -1 & 2	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
15.	RAMPAS 15kg TIKUS SALAI DI KLIA, NEGERI SELANGOR, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
17. 18. 19. 20. 21. 22.	EL-NINO ANCAM MALAYSIA, DALAM NEGERI, UM 1 & 2 EL-NINO ANCAM LADANG SAYUR, BUAH, DALAM NEGERI, UM -3 SUMBANGAN TIGA MESIN RINGANKAN KOS PETANI, NEGERI KEDAH, SH -26 CUACA PANAS, PETANI TANGGUH TANAM PADI TAKUT TIADA AIR, NEGARA, KOSMO -15 KOPERTANI JALIN KERJASAMA KAJIAN TEKNOLOGI ISOTOP, EKONOMI, UM -38 PELABUHAN UNJAM TINGKAT PENDAPATAN NELAYAN, TIMUR, HAKAKAH -H18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

15/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

1

Berpotensi ganggu bekalan air, kurangkan paras air empangan, tanaman padi, sayur dan buah

El Nino ancam Malaysia

Oleh MOHD. HATZ ABD.
MUTALIB, MUHAMAD AIMY
AHMAD, ISWAN SHAFIQ
MAT ISA dan YASMIN
NATASHA HAIRUL
utusannews@mediamajlis.com.my

PETALING JAYA: Fenomena El Nino yang diramal berterusan sehingga Mei ini berpotensi mengakibatkan gangguan beka-

lan air dan mengurangkan paras air empangan di negara ini ekoran cuaca menjadi semakin panas serta kering melampau. Fenomena itu yang menyebabkan suhu harian di kebanyakan tempat melebihi 35 darjah Celsius juga boleh memberi kesan kepada industri penanaman padi, sayur dan buah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Pirapakaran berkata, Malaysia sedang melalui situasi genting kerana kapaditi sebanyak air bagi 16 daripada 55 empangan tidak diketahui. Malah kata beliau, tahap ketersediaan kewujudan air diketahui sebenar tidak diketahui untuk satu tempoh yang lama.

"Berdasarkan perhatian kami, semasa dua tempoh cuaca panas pada 2023, didapati banyak gangguan bekalan air berlaku secara rawak. Situasi ini berlaku bagi loji rawatan air yang bergantung kepada aliran air sungai yang mana cuaca panas berterusan boleh mengakibatkan arusnya menjadi lebih rendah seterusnya tidak dapat mengekstrak air mentah untuk diproses. "AWER telah memberi amaran awal mengenai kesan El Nino kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri untuk menggariskan isu-isu yang perlu diangani," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bersambung di muka 2

Harga beras putih RM30 sekampit

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamajlis.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara ini bermula Isnin ini.

Dengan mekanisme terbaharu itu, kategori beras putih tempatan (GST) dan beras putih import (SSI) dimansuhkan melainkan Beras Putih Malaysia Madani sebagai kategori beras tunggal.

Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup (Maccob), Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz, Syed Abdul Fasal berkata, serentak itu kerajaan menetapkan harga siling untuk beras putih pada kadar RM30 bagi kampak 10 kilogram (kg) manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg).

Bersambung di muka 3

15/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

2

El Nino ancaman Malaysia

Dari muka 1

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Fenomena El Nino yang menyebabkan cuaca panas dan kering dramakan berterusan sehingga Mei ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia), Muhammad Helmi Abdullah berkata, berikutan fenomena El Nino kuat yang melanda dunia pada ketika ini, suhu maksimum harian di Malaysia juga boleh menjadi lebih tinggi di kebanyakan tempat.

Katanya, dalam tempoh dari Februari hingga Mei, suhu maksimum harian boleh melebihi 35 darjah Celsius pada awal petang.

Sementara itu, Fenomena El Nino dijangka menjejaskan industri padi khususnya di Perlis dengan 90 peratus pesawah belum menuai hasil.


Kelewatan menuai itu berikutan isu kelewatan pembekalan benih padi yang menyebabkan kebanyakan pesawah terpaksa mengisahkan tanaman tidak mengikut jadual ditetapkan.

Seorang petani, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, pesawah menjangkakan hasil musim ini boleh terjejas teruk dengan anggaran sekitar dua hingga tiga tan metrik perhektar berbanding kelaziman lima tan metrik dalam keluasan sama.

Katanya, cuaca panas melampau ketika ini memberi kesan kepada penanaman padi berikutan masalah sumber air.

"Jadual penanaman yang tidak selari berikutan kelewatan benih padi sebelum ini dengari ada yang mengusahakan tanaman pada November dan Disember lalu, antara yang terjejas teruk memandangkan tanaman mereka ketika ini boleh boleh dituai.

"Ini kerana padi yang sedang membesar memerlukan bekalan air namun sekarang sungai pun sudah semakin



SEORANG petani melakukan kerja-kerja di sawah dalam keadaan cuaca panas melampau dengan keadaan bendang mula meretakan dan kering-kontang di Kok Klang, Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

susut. Hanya sekitar 10 peratus pesawah di negeri ini yang sudah menuai hasil manakala selebihnya masih dalam proses tuai dalam tempoh terdekat.

"Cuaca lebih panas berbanding tahun lalu dengan ada sawah sudah meretakan dan kering. Padi yang baru nak keluar memerlukan air dan air sungai sekarang pun semakin kurang," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, pesawah dijangka mengalami kerugian lebih 50 peratus berikutan cuaca panas yang bakal memberi kesan kepada hasil tuai selepas ini.

"Ia berpunca daripada jadual tanam sebelum ini yang menyebabkan pesawah terpaksa berdepan musim panas dalam keadaan hasil yang belum boleh dituai.

"Kerajaan perlu membantu pesawah yang bakal berdepan kesan besar berikutan cuaca panas ketika ini. Hasil dijangka sudah pastinya menurun

dan pesawah bakal mengalami kerugian besar," katanya.

Pengarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Mohd. Muhtamin Ibrahim pula menasihatkan petani yang terlibat dengan sektor penanaman lain seperti sawur dan buah-buahan termasuk durian supaya sentiasa bersedia untuk berdepan sebarang kemungkinan akibat cuaca panas.

Dalam pada itu, ketiga-tiga empuangan yang menampung keperluan sumber air pengairan untuk aktiviti tanaman padi musim 2/2023 di Kawasan Muda berada pada paras selesa dan mencukupi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, musim panas dan kering yang melanda Kedah tidak memberi kesan terhadap tanaman padi terutama di kawasan itu.

Menurutnya, MADA juga sentiasa berada dalam keadaan siap siaga sekiranya El Nino berlarutan seperti ramalan cuaca dan anaran yang dikeluarkan oleh Met Malaysia.

15/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

El-Nino ancam ladang sayur, buah

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

utusannews@mediamulla.com.my

BUKIT MERTAJAM: Cuaca panas dengan suhu melebihi 35 darjah Celsius khususnya pada waktu tengah hari bakal memberi kesan kepada sektor penanaman seperti sayur dan buah-buahan termasuk nanas, durian dan lain-lain.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim

berkata, sehubungan itu pihaknya menasihatkan para pengusahanya sayur dan buah-buahan sentiasa bersedia untuk berdepan dengan sebarang kemungkinan akibat cuaca panas ini.

Katanya, Jabatan Pertanian negeri sebenarnya telah membuat persiapan awal untuk menghadapi cuaca panas ini seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Di peringkat jabatan (pertanian), kita sudah maklum kepada

para petani supaya bersedia lebih awal manakala di peringkat kerajaan negeri, bantuan-bantuan berkaitan pertanian termasuk pam air telah diagihkan lebih awal.

"Kami juga sedia maklum mengenai isu gangguan air yang pernah berlaku di Pulau Pinang sebelum ini, namun yakin ia tidak akan memberi kesan terhadap sektor pertanian di negeri ini," katanya kepada *Utusan Ma-*

aysia.

Menurut Mohd. Muhaimi, cuaca panas tersebut bagaimanapun tidak menjejaskan sektor penanaman padi di Pulau Pinang ketika ini.

Katanya, ini kerana ada padi yang sudah dituai dan di peringat berbuah terutama di daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

"Kita di Pulau Pinang ini bernasib baik kerana cuaca panas

yang dijangka sehingga Mac sekitar ini tidak beri kesan langsung kepada para petani khususnya penanam padi. Mungkin juga kebetulan cuaca panas itu berlaku ketika musim menuai sudah tiba," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan cuaca panas ketika ini akan berterusan hingga bulan depan disebabkan negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut.

15/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

3

Harga beras putih RM30 sekampit

Dari muka 1

Buat masa ini, harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 setiap 10kg manakala beras import kempit 10kg berharga antara RM36 hingga RM38.

“Pengguna boleh mendapatkan bekalan beras putih berharga RM30/kampit di pasaran mulai 1 Mac ini.

“Tempoh 19 Februari hingga 1 Mac ini berikutan mengambil masa untuk dijual di pasaran. Ia memberi peluang kepada pemain industri beras untuk membuat penyelarasan dari segi pembungkusan dan pemasaran,” katanya dalam sidang akhbar di Puchong, semalam.

Sebelum ini, Syed Abdul Husin memaklumkan harga beras tempatan dan import perlu disesuaikan bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri berkaitan makanan asas negara ini.

Perkara itu meraih perhatian dan pandangan pelbagai pihak termasuk Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia yang menyifatkan cadangan itu sudah tiba masanya memandangkan 18 tahun harga beras tidak naik sejak 2006.

Syed Abu Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang berkata, dalam tempoh 19 Februari sehingga 1 Mac ini, kerajaan memberi masa kepada

semua pemain industri beras untuk membuat penyelarasan dengan membenarkan semua jenis pembungkusan lama dijual sehingga stok pengampitan di peringkat pemborong habis.

Beliau berkata, kerajaan turut membenarkan bungkusan lama dipakai tetapi mesti dipotong dan ditampal dengan pelekat RM30 manakala pemain industri beras diberi tempoh untuk mengubah pelaburan dan pembungkusan kempit beras bagi disesuaikan dengan ketetapan baharu itu sehingga 1 Mac ini.

“Semua jenis pembungkusan dan warna sedia ada di

pasaran akan dibenarkan sehingga stok pengampitan di peringkat pemborong habis. Namun, pembungkusan Beras Putih Malaysia Madani akan diselaraskan menggunakan reka bentuk yang kini di peringkat lakaran,” katanya.

Beliau berkata, cadangan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dipersetujui untuk dilaksanakan.

“Saya telah diberi amanah sebagai jawatan (Naccol) untuk menyelesaikan sedikit sebanyak kos sara hidup ini (dan) saya kena buat tindakan pantas. Ini pengumuman,” katanya.

HARGA SILING BERAS MADANI RM30

■ Kerajaan akan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani yang dijual pada harga siling RM30 bagi kampil 10 kilogram (kg) berkuat kuasa 19 Februari ini. Ia dijangka berada di pasaran bermula 1 Mac 2024.

■ Beras Madani tersebut adalah kategori tunggal bagi menggantikan beras putih tempatan (SST) yang dijual pada harga kawalan RM26 sekampil 10kg dan beras putih import (SSI).

■ Penetapan harga siling baharu itu yang sudah 18 tahun tidak dinaikkan antara lain bertujuan menjamin bekalan beras di pasaran dan menghentikan perbuatan membungkus semula beras tempatan kepada jenama yang lebih mahal untuk mengaut keuntungan.

MUKA 2 & 3



Pengerusi Jawatankuasa Tangani Harga Makanan di bawah NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal pada sidang akhbar pengumuman Beras Putih Malaysia Madani di Puchong, Selangor pada Rabu.

Harga siling beras putih Madani RM30

Kerajaan lancar beras kategori tunggal ganti SST dan SSI bermula 19 Februari

Oleh **IZWAN ROZLIN dan MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI PUCHONG**

Kerajaan memperkenalkan kategori tunggal bagi beras putih dikenali sebagai Beras Putih Malaysia Madani yang akan dijual pada harga RM30 bagi kuantiti 30 kilogram (kg).

Pengerusi Task Force (Kluster Makanan), Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, bermula 19 Februari ini tiada lagi kategori beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI).

"Penetapan harga siling tunggal untuk Beras Putih Malaysia Madani turut melibatkan beras 10 kilogram RM30, lima kilogram pada harga RM15.50 dan satu kilogram RM3.50.

"Keputusan ini diambil bagi menyelesaikan isu beras tempatan yang tiada di pasaran sekali gus menjawab kritikan orang ramai kerana terpaksa membeli beras pada harga yang mahal.

"Keputusan ini adalah hasil rapat urusan bersama pemegang taruh industri padi dan beras negara termasuk wakil Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) dan wakil pengilang padi beras.

"Hasil sesi libat urus tersebut telah dimaklumkan kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohd



Mohamad Sabu (kanan) menjajap bekalan beras di pasaran di pejabatnya di Putrajaya. Foto: MAM/BERNAMA

Sabu serta Badan Kawal Selia Padi dan Beras dan cadangan itu telah dibawa ke-

pada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menangani

isu beras negara," katanya pada sidang akhbar di Balai Husna Puchong pada Rabu.

Menurut Syed Hussin, Beras Putih Malaysia Madani hanya akan berada di pasaran bermula 1 Mac.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang berkata, pertanian industri beras diberi tempoh 10 hari untuk mengubah pelaburan dan pembungkusan kuantiti beras bagi disesuaikan dengan ketetapan baharu itu.

"Semua jenis pembungkusan dan warna sedia ada di pasaran akan diben-

kan sehingga stok pengangkutan di peringkat pemborong habis.

"Namun, pembungkusan Beras Putih Malaysia Madani akan diselektas menggunakan reka bentuk yang kini di peringkat lakaran.

"Ketetapan ini dibuat selepas mengambil kira tiada kenaikan harga beras putih selama 18 tahun," katanya.

Sebelum ini, harga kawalan beras putih Super-Spesial tempatan lima peratus (SST5) ialah RM2.60 sekilogram se-

perti termaktub dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522). Namun, tiada harga kawalan bagi beras putih import.

Syed Abu Hussin memberitahu, penetapan harga siling Beras Putih Malaysia Madani itu juga muncul sebagai me-

HARGA SILING BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI

10 KILOGRAM.....	RM30
5 KILOGRAM.....	RM15.50
1 KILOGRAM.....	RM3.50

HARGA SILING BERAS PUTIH TEMPATAN SEKARANG

10 KILOGRAM.....	RM26
5 KILOGRAM.....	RM13
1 KILOGRAM.....	RM2.60

kanisme meroktahkan tindakan manipulasi bekalan beras putih tempatan. Ini kerana, katanya, segelintir pengeluar sebelum ini, dikenali pasti mencampurkan beras putih tempatan dengan kuantiti beras putih import, bertujuan meraih keuntungan lebih.

"Tindakan ini berpunca akibat tiada kawalan harga ditetapkan bagi bekalan beras putih import, menyebabkan harga barangan berkenaan sentiasa tinggi, selain didorong faktor lonjakan harga import akibat kenaikan harga beras global.

"Ia menyebabkan label kepada beras putih import atau ia dicampur dan sebagainya, menyebabkan bekalmnya sukar didapati di pasaran," katanya.

Pada 12 November lalu, Mohamad Sabu memberitahu kerajaan akan mengkaji cadangan menaikkan harga siling beras putih tempatan seperti yang dibangkitkan oleh Ketua Pengarah Badan Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood.

Menurut Azman, harga siling beras putih wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60.

Harga munasabah, pastikan ada bekalan - Mydin



AMEER ALI MYDIN

SHAH ALAM - Syarikat pemborong dan penuncih halat terbesar tempatan, Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), menyambut baik pengumuman Beras Putih Malaysia Madani oleh kerajaan yang dijangka berada di pasaran bermula 1 Mac depan.

Ameer Ali Mydin berkata, meskipun pihaknya masih belum mendapat maklumat terperinci berhubung

Spesial Tempatan (SST) RM26, 10 kilogram ini. Disebabkan tiada bekalan di pasaran, kita selaraskan dan nalikan kepada RM30 atau

margin untung, kurangi barang (beras) akan mudah diperolehi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Ameer Ali berkata, seiring dengan pengumuman

berkenaan, beliau berharap kerajaan dapat memastikan bekalan beras tersebut mencukupi untuk jualan di pasaran nanti.

"Dengan kenaikan harga ini, kita harap akan dapat barang yang mencukupi, kerajaan kena pastikan beras ini cukup di pasaran, itu yang kita mahukan.

"Jangan nanti barang tiada di pasaran pula," tambahnya lagi.

Perlu jamin bekalan beras mencukupi



Kerajaan digesa memastikan bekalan Beras Putih Malaysia Madani di pasaran negara ini mencukupi selepas ia diperkenalkan. - Gambar Hiasan

Kerajaan mesti memastikan Beras Putih Malaysia Madani boleh didapati di pasaran

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR ALOR SETAR

Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) menyambut baik pengumuman kerajaan memperkenalkan kategori tunggal bagi beras putih dikenali sebagai Beras Putih Malaysia Madani

Pengerusi PPBMM, Mohamad Termizi Yop berkata, pengumuman tersebut memberikan situasi menang-menang kepada semua pihak termasuk pengguna, pemborong, pengilang dan petani.

Menurutnya, walau bagaimanapun, persatuan tersebut berharap kerajaan memberi jaminan mencukupi bagi memenuhi permintaan di pasaran.

"Kerajaan perlu memberi bekalan beras kepada setiap pemain industri. Tadi, ada (diumumkan) harga beras jadi yang sudah-sudah (sebelum ini) beras tidak ada.



MOHAMAD TERMIZI

"Bekalan itu penting khususnya penghantaran. Jangan penghantaran (bekalan beras) hangat hangat tahi ayam, seminggu dua sahaja, selepas itu hilang," katanya dihubungi Sinar Harian pada Rabu.

Mohamad Termizi berkata, kerajaan perlu memberikan keutamaan kepada pemain industri yang telah terlibat lama dalam bidang tersebut.

Jelasnya, menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri pula, bekalan Beras Putih Malaysia Madani juga perlu mencukupi bagi menampung permintaan yang tinggi.



Penetapan harga RM30 dapat bantu pesawah



MUHAMMAD FUAD

SHAH ALAM - Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) menyambut baik usaha kerajaan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani yang dijual pada harga RM30 untuk berat 10 kilogram (kg) sekampit berkuat kuasa 19 Februari ini.

Pengerusinya, Muhammad Fuad Yacob berkata, walaupun harga beras itu lebih RM4 berbanding harga beras putih tempatan, namun usaha kerajaan itu seharusnya disokong semua pihak.

"Ini bermakna ia dapat menyelesaikan kemelut ketiadaan beras tempatan dan kenaikan mendadak harga beras import yang berlaku sebelum ini," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini pada Rabu.

Muhammad Fuad memberitahu, penetapan satu harga itu adalah langkah terbaik ter-

utama dalam keadaan ekonomi dunia dan kesan fenomena El Nino terhadap negara pengeluar beras import.

"Saya percaya harga RM30 bagi beras 10kg ini tidak akan memberi beban tambahan kepada rakyat," jelas beliau.

Muhammad Fuad juga berharap penetapan harga beras itu akan mendorong persaingan dalam industri padi dan membantu pesawah mendapatkan harga lebih baik. Bagaimanapun, beliau berharap aspek penguatkuasaan bagi memastikan setiap pengilang mematuhi peraturan ditetapkan kerajaan.

"Kalau penguatkuasaan lemah, buatalah peraturan apa pun dia tak akan berlaku seperti mana yang kita semua harapkan," jelas beliau.



Para pesawah dijangka mendapat harga padi yang lebih baik dengan adanya Beras Putih Malaysia Madani. - Gambar Hiasan

Kerajaan perkenal Beras Putih Malaysia MADANI

Kategori tunggal bagi ganti label beras putih tempatan, import

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Puchong: Kerajaan memperkenalkan kategori tunggal beras putih dikenali Beras Putih Malaysia MADANI bagi menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara ini.

Perkara itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Menaangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal. Serentak itu, katanya, kerajaan menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kampak 10 kilogram (kg), RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg), berkuat kuasa Isnin depan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang berkata, pemin industri beras diberi tempoh sehingga 1 Mac ini untuk mengubah pelabelan dan pembungkusan kampak beras bagi disesuaikan dengan ketetapan

baharu itu.

"Semua jenis pembungkusan dan warna sedia ada di pasaran dibenarkan sehingga stok pengampunan pada peringkat pemborong habis.

"Pembungkusan Beras Putih Malaysia MADANI akan diselaraskan menggunakan reka bentuk yang kini pada peringkat lakaran.

"Ketetapan ini dibuat selepas mengambil kira tiada kenaikan harga beras putih selama 18 tahun dengan perkara ini sudah dibentangkan dan dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Penetapan harga siling

Sebelum ini, harga kawalan maksimum beras Super Spesial Tempatan lima peratus (SST5) di peringkat runcit ialah RM2.60 sekilogram seperti termaklud dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

Pembungkusan Beras Putih Malaysia MADANI akan diselaraskan menggunakan reka bentuk yang kini pada peringkat lakaran

Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, Pengerusi Jawatankuasa Menaangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, NACCOL



Semua jenis pembungkusan dan warna sedia ada di pasaran dibenarkan sehingga stok pengampunan habis. (Foto hiasan)

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, penetapan harga siling Beras Putih Malaysia MADANI itu adalah mekanisme yang menokrakan tindakan pihak tertentu memanipulasi bekalan beras putih tempatan.

"Ia berlaku akibat tiada kawalan harga ditetapkan bagi bekalan beras putih import, menyebabkan harganya sentiasa tinggi, selain didorong faktor lonjakan harga import akibat kenaikan harga beras global.

"Ia menyebabkan label beras putih tempatan ditukar kepada beras putih import, dicampur dan sebagainya, menyebabkan bekalan sukar didapati di pasaran," katanya.



Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, Pengerusi Jawatankuasa Menaangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, NACCOL

Govt to introduce Malaysia Madani white rice, in the market from March 1

PUCHONG: The government will introduce the Malaysia Madani white rice priced at RM30 for a 10kg sack on Feb 19, which is expected to be available in the market from March 1.

Chairman of the task force (food cluster) under the National Action Council for Cost of Living Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal said this means there will no longer be local white rice (SST) and imported white rice (SSI) categories, adding that the Malaysia Madani white rice will be the sole category.

The Member of Parliament for Bukit Gantang said that between Feb 19 and March 1, rice industry players can make adjustments and sell rice in old packaging until all wholesalers' stocks are sold out.

"What we are doing here is to offer a more comfortable price for the people. This adjustment is made by the industry to provide appropriate pricing ... and availability in the market for all."

"Besides that, the price for a 5kg sack of Malaysia Madani white rice is set at RM15.50 while a 1kg bag of rice is priced at RM3.50," he told reporters here yesterday.

Syed Abu Hussin Hafiz said industry players must change the labelling and packaging of rice sacks according to the new regulations by March 1, adding that the government allows them to use the old packaging, but it must be affixed with the Malaysia Madani white rice price sticker as prescribed.

"... rice prices have not increased for 18 years ... padi farmers and growers will be more comfortable with the (new) ceiling price ... and the industry can also sustain with the RM30 price for a 10kg sack," he said.

He added that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had approved the introduction of Malaysia Madani white rice.

Syed Abu Hussin Hafiz said the setting of the ceiling price for Malaysia Madani white rice serves as a mechanism to stop manipulation, where some manufacturers would mix local white rice with imported white rice and sell them as expensive brands to gain extra profit. — Bernama

CARTELS TO BLAME?

End disruption
to local white
rice supply

THE nation has been grappling with local white rice scarcity since last year. A shortfall in local white rice supplies resulted in a notable surge in food prices, particularly rice.

Despite white rice being the primary staple food, it has remained accessible with the sale of imported rice. However, disparities in prices between imported and local rice have persisted due to price controls mandated by the Control of Padi and Rice Act 1994.

Consequently, the higher price of imported white rice has burdened the populace amidst disruptions in local white rice supply.

The government had implemented various measures last year, including increasing the Padi Price Subsidy Scheme rate from RM696 to RM800 per metric tonne of production, effective from August 2023.

With the increase, padi farmers in the country will receive a minimum of RM1,700 per metric tonne of padi production, thus providing them with a better income.

The increase is considered the largest in the nation's history and involves an annual expenditure of RM1 billion, with the aim of incentivising padi cultivation while maintaining rice buffer stocks.

The Agriculture and Food Security Ministry said 65 per cent of local white rice was available in the market as it is a government-controlled product and the rice supply issues were expected to be resolved by December 2023.

However, as we enter the second month of 2024, disruptions in local rice supplies persist. This prompts the question: Padi farmers should not be the only beneficiaries of the rice production change?

If so, the authorities must prevent the scarcity of local white rice from continuing.

DR MUHAMMAD HAFTZ

BADARULZAMAN

Senior lecturer,
School of Law,
Universiti Utara Malaysia

6 With the increase,
padi farmers in

the country will receive
a minimum of RM1,700
per metric tonne of padi
production, thus providing
them with a better income.

KKM guna kaedah isotop tentukan ketulenan madu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menawarkan Skim Pensijilan Makanan Autentik sebagai pengiktirafan terhadap produk makanan yang disahkan tulen dan memenuhi kriteria ditetapkan, termasuk bagi produk madu.

Selain madu, langkah dilakukan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan produk menggunakan teknik terkini itu turut membabitkan daging, kopi dan sarang burung walis, sekali gus dapat menangani penjualan produk tidak mematuhi standard ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

KKM dalam kenyataan dikeluarkan semalam, berkata teknik terkini ialah dengan penggunaan kaedah isotop, iaitu antara variasi unsur kimia, seperti disarankan

Malaysia (USM), Dr Mohd Zulfitri Mustafa, dilaporkan berkata, madu tiruan adalah cabaran terbesar dihadapi industri ketika ini.

Di Malaysia, madu diklasifikasikan berdasarkan spesies lebah yang menghasilkannya, iaitu madu dihasilkan lebah madu apis dorsata atau madu kelulut yang dihasilkan *stingless bee*.

Pada masa sama, KKM berkata, berdasarkan pemantauan pihaknya, sebanyak 45 atau 5.85 peratus sampel madu daripada 769 produk yang diperiksa sejak 2016 hingga kini tidak mematuhi standard ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Katanya, tindakan penguatkuasaan sudah diambil ke atas syarikat dan produk berkenaan melalui pemantauan dijalankan dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM).

"Berdasarkan Peraturan 130, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, produk madu perlu mengikut standard ditetapkan, termasuk mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurutan.

"Selain itu, ia juga perlu mempunyai kandungan sukrosa tidak lebih daripada 10 peratus dan tidak boleh mengandungi hydroxymethylfurfural (HMF) lebih daripada 80 mg/kg," katanya.

Denda RM120,000, pejaraja

KKM berkata, Seksyen 13(2)(e) pula memperuntukkan tiada sebarang orangpun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat mengikut akta terbabit.

Katanya, mereka yang didapati

melanggar peruntukan ini dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna, maka merekadisan membaca label dan memilih produk makanan yang mempunyai logo Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) seperti Autentik, MeSTI, GMP dan HACCP daripada KKM.

"Sebarang kemusykilan berhubung isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau <http://book.bahagiankeselamatandanqualiti.makanan.gov.my> atau facebook.com/bkkmhq," katanya.



Keratan BH
Selasa lalu.

15/2/2024

HARIAN METRO

LOKAL

12

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati 45 daripada 769 sampel produk madu pelbagai jenama tidak memenuhi standard ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985.


Pada masa sama, tindakan penguatkuasaan sudah diambil terhadap syarikat dan produk terbabit.

KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) sentiasa menjalankan pemantauan produk madu di pasaran dan 769 sampel produk

“Seseorang yang didapati melanggar peruntukan ini apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya”

MADU TIRUAN DI PASARAN

45 daripada 769 sampel tak patuh standard



LAPORAN muka depan Harian Metro, 13 Februari lalu.

ratus dan tidak boleh mengandungi *hydroxymethylfurfural* lebih daripada 80 mg/kg,” menurut KKM da-

lam kenyataan, semalam. Kenyataan itu juga memaklumkan Seksyen 13(2)(e) memperuntukkan

Malaysia dan Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan madu dengan menggunakan teknik isotop sebagaimana yang disarankan standard makanan antarabangsa Codex.

Di samping itu, KKM juga menawarkan Skim Pensijilan Makanan Autentik yang bertujuan memberikan pengiktirafan terhadap produk makanan yang sahkan autentik atau tulen serta memenuhi kriteria ditetapkan dalam skim pensijilan berkenaan.

“Ini termasuk produk madu, daging, kopi dan sarang burung walit. Sehingga kini, tujuh syarikat telah memperoleh pensijilan autentik untuk produk madu daripada KKM,” menurut kenyataan itu. - Ber-

nama

tiada seseorang boleh menyediakan atau menjual sebarang makanan yang diadukkan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi ditetapkan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta terbabit.

“Seseorang yang didapati melanggar peruntukan ini apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya,” katanya.

Selain itu, KKM juga menjalankan kerjasama dengan Agensi Nuklear

BANYAK MADU TIPU

**45 daripada 769 sampel
produk tidak patuh
peraturan makanan**

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL
dan SITI A'ISYAH SUKAIMI

PETALING JAYA – Banyak madu yang dijual di pasaran negara ini didapati tiruan yang boleh mengundang pelbagai penyakit, antaranya berpunca daripada kandungan gula tinggi dalam madu tersebut.

Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati, sebanyak 45 daripada 769 sampel produk madu pelbagai jenama yang diambil sejak tahun 2016 dan sehingga kini tidak mematuhi standard ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985.

KKM dalam satu kenyataan memberitahu, tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas syarikat serta produk terlibat.

► **BERSAMBUNG DI MUKA 2**



Jangan tertipu

GAMBAR fail menunjukkan penyelidik membuat ujian ketulenan madu di Institut Genom dan Vaksin Malaysia di Bangi, Selangor pada 15 Mei 2017.

15/2/2024

KOSMO

NEGARA

2

Banyak madu tipu

DARI MUKA 1

Katanya, KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) sentiasa menjalankan pemantauan produk madu di pasaran bagi mengesan madu tiruan.

"Berdasarkan Peraturan 130, Peraturan-peraturan Makanan 1985, produk madu perlu mengikut standard ditetapkan.

"Antaranya mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurunan, mempunyai kandungan sukrosa tidak lebih 10 peratus dan tidak boleh mengandungi *hydroxymethylfurfural* lebih daripada 80 mg/kg," katanya semalam.

Menurut kenyataan itu, Seksyen 13(2)(e) memperuntukkan tiada seseorang boleh menyediakan atau menjual sebarang makanan yang diadukkan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta berkenaan.

KKM turut menegaskan jika individu itu melanggar peruntukan tersebut boleh dikenakan denda maksimum RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Dalam kenyataan sama, KKM memaklumkan sedang menjalankan kerjasama dengan Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan madu menggunakan teknik isotop sebagaimana disasarkan standard makanan antarabangsa Codex.

Selain itu, KKM menawarkan



HANYA ujian di makmal boleh menentukan ketulenan madu lebah yang dibeli. — GAMBAR HIASAN

Skim Pensijilan Makanan Autentik bertujuan memberikan pengiktirafan terhadap produk makanan yang disahkan autentik atau tulen dan memenuhi kriteria ditetapkan dalam skim pensijilan berkenaan.

"Ini termasuklah produk madu, daging, kopi dan sarang burung walit. Sehingga kini, tujuh syarikat memperoleh pensijilan

sukar membezakannya.

Katanya, pengguna boleh menghantar sampel antaranya ke Institut Genom dan Vaksin Malaysia di Bangi, Selangor serendah RM20 sahaja.

"Digalakkan hantar 20 gram madu kepada Genom. Ia hanya uji sama ada madu itu asli atau palsu. Kita nak tahu madu asli atau palsu sekadar lihat atau de-



KERATAN Kosmo/ 15 Ogos 2016.

ria rasa dan bau memang tak dapat beza.

"Ada orang cakap, manis sangat sebab campur gula dan itu tak benar sebab ada madu memang manis sangat," katanya kepada Kosmo/semalam.

Bellau yang mengusahakan industri madu sejak 10 tahun lalu berkata, apabila madu itu ter-lalu cair, berbuih serta bergas, ia menunjukkan kandungan airnya tinggi.

"Apabila tinggi, berlaku fermentasi dan adanya yis yang menjadi tempat pembiakan bakteria. Kadar air yang tinggi tidak menepati piawaian ditetapkan.

"Piawaian madu lebah ini tidak lebih 20 peratus kandungan air, manakala madu kelulut pula 22 peratus," ujarnya.

Kosmo/ Pada Ogos 2016 pernah melaporkan kira-kira 80 peratus madu lebah yang dijual diadapati palsu.

Ia terbukti apabila 14 daripada 15 sampel madu yang dibeli wartawan Kosmo/ di beberapa lokasi popular menjual madu diadapati tidak tulen.

Antara risiko penyakit seperti diabetes, serangan jantung dan kanser hati yang berpunca daripada kandungan gula yang tinggi dalam madu berkenaan.

Rampas 15kg tikus salai di KLIA

Penumpang ditahan
sebaik barangan
dikesan melalui
mesin pengimbas
JKDM

Oleh **MUHAMMAD AFHAM
RAMLI**
SEPANG

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan seorang lelaki warga asing membawa masuk tikus salai seberat 15 kilogram (kg) di Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) pada Isnin lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, barangan itu dibawa masuk tanpa kebenaran dan menyalahi undang-undang.

"Produk ini dikesan ketika pemeriksaan bagasi penumpang menerusi mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dari Myanmar.

"Rampasan dianggarkan bernilai RM300 ditemui sebaik pemeriksaan pegawai Maqis," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, perbuatan mengimport keluaran hasilan haiwan tanpa permit sah adalah menjadi kesalahan mengikut Seksyen 1(1) Akta Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

Jelasnya, individu berkecuaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Tambahnya, Maqis sentiasa mengambil langkah serius dalam isu dagangan bersama agensi penguatkuasaan di sempadan kerana membabitkan keselamatan dan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam sektor pertanian negara.

"Semua sedia maklum, tikus boleh menyebabkan penyakit berjangkit secara langsung dan



Pegawai Maqis menunjukkan tikus salai yang dirampas di KLIA.

tidak langsung.

"Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa

bagi memastikan kawalan penyakit haiwan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.

15/2/2024

SINAR
HARIANNEGERI
KEDAH

26

Sumbangan tiga mesin ringankan kos petani



Ahmad Basri (tengah) dan Mohd Faisal (lima dari kanan) merasmikan majlis penyerahan jentera padi di Yan pada Rabu.

YAN - Permodalan Nasional Bhd (PNB) menyumbangkan tiga unit mesin padi bernilai RM414,000 kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Pemberian jentera itu dapat meringankan beban kos tanaman padi kepada petani yang menyertai Smart Sawah Berskala Besar (SBBA).

Ketua Pengurusan Syariaah PNB, Dr Ahmad Basri Ibrahimi berkata, sumbangan disalurkan menerusi zakat diharap membantu memberi keuntungan kepada peserta tatkala kos operasi yang semakin meningkat.

"Saya difahamkan sebelum ini mesin padi ini, mereka dapat mengurangkan kos operasi dan boleh dikendalikan asnat yang menjadi peserta SBBA," katanya selepas menyerahkan sumbangan terbahit kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) LZNK, Dr Mohd Faisal Mustafa di Batu 17, di sini, pada Rabu.

Ahmad Basri berkata, selain sumbangan tanggungjawab sosial kor-

porat kepada LZNK, perkara sama turut dilakukan di negeri lain melalui kerjasama agensi dan yayasan berkaitan.

"Sebagai contoh di Kelantan, kita bagi sumbangan untuk golongan pen-ternak ayam dalam kalangan orang kurang upaya (OKU). Selain itu sumbangan lain juga ada seperti bantuan mangsa banjir dan Covid-19," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Faisal berkata, sumbangan tiga jentera itu diyakini mampu membantu meningkatkan lagi pendapat peserta SBBA melibatkan keluasan 201 hektar.

Menurutnya, kos sewa sebuah mesin bagi keluasan satu relung (0.288 hektar) adalah RM110 tapi dengan inisiatif sumbangan PNB ini, LZNK dan peserta dapat menjimatkan kos berkenaan.

"Sawah ini diusahakan peserta Smart SBBA sendiri daripada proses pembenihan, penanaman, bajak hingga proses akhir," katanya.

Cuaca panas, petani tangguh tanam padi takut tiada air

TUMPAT – Kebanyakan pesawah di beberapa kawasan tanaman padi di daerah ini berdepan dengan masalah air berikutan cuaca panas mula melanda di negeri ini sejak dua minggu lalu.


Seorang pesawah, Mohamad Afiq Aiman Razali, 23, berkata, masalah air akan berlaku di kawasan tanaman padi setiap kali musim kemarau sehingga menjejaskan tanaman penduduk.

Jelasnya, tanaman padi yang diusahakan dengan keluasan kira-kira lapan hektar di Kampung Kelong, di sini, turut mengalami masalah yang sama kerana aliran air tidak mencukupi.

Katanya, masalah itu sudah dihadapi petani yang mengerjakan tanaman padi secara persendirian tanpa berdaftar dengan agensi pertanian itu hampir setiap tahun selepas musim tengkujuh.

"Musim kemarau akan menjejaskan tanaman padi kerana air perlu dikongsi dengan penanam yang lain dengan mengepam bekalan air melalui parit.

"Jika parit kering, saya ter-



MOHAMAD AFIQ AIMAN menunjukkan kawasan tanaman padi yang tidak dapat diteruskan kerana bekalan air tidak mencukupi di Kampung Kelong, Tumpat semalam.

paksa bergantung kepada air hujan sepenuhnya. Susah nak tanam padi macam ini," katanya ketika ditemui semalam.

Mohamad Afiq Aiman memberitahu, keadaan itu menyebabkan tanaman padi terpaksa ditangguhkan untuk sementara waktu meskipun sudah membajak pada hujung tahun lepas.

Seorang lagi pesawah, Razali Awang, 60, berkata, proses menabur benih padi sudah dibuat melibatkan keluasan enam hektar di Kampung Kok Keli, di sini, baru-baru ini.

Katanya, setakat ini, dia belum lagi menghadapi masalah air yang ketara walaupun cuaca mula panas.

15/2/2024

UTUSAN
MALAYSIA

38

KOPERTANI jalin kerjasama kajian teknologi isotop

SUBANG JAYA: Koperasi Pertanian St. Thomas Kuantan Berhad (KOPERTANI) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Koperasi Anak Muda TLBN Berhad; Koperasi Agro Ventures Johor Berhad dan Delima Emas Sdn. Bhd, bekerjasama dalam Kajian Ketulenan dan Kebolehesanan Menggunakan Teknologi Isotop Stabil.

Pengerusi KOPERTANI, Dr. Redzuan Ibrahim berkata, kerjasama itu untuk menambah saiz sampel, di mana ketiga-tiga entiti itu membawa kepakaran tersendiri.

"Koperasi Anak Muda TLBN akan bekalkan ayam kampung, Koperasi Agro Ventures Johor bekalkan lembu temusu dan Delima Emas pula ayam organik," katanya kepada pemberita selepas



DR. Redzuan Ibrahim (tiga. kiri), bertukar dokumen kerjasama dengan Setiausaha Koperasi Agro Ventures Johor Bhd., Khalid Shah di Kelab Golf Negara Subang, Subang Jaya, semalam. - UTUSAN/SHIDDIQUEIN ZON

majlis MoU itu di sini, semalam. Beliau berkata, teknik isotop stabil itu merupakan teknik

nuklear terkini yang akan digunakan bagi membantu dan menghalang penipuan serta pencemaran produk makanan.

"Teknik melibatkan 'fin-gerprinting' isotop stabil itu terbukti terkesan untuk membezakan makanan daripada asalan geografi berbeza dan bagi mengesahkan ketulenan makanan", katanya.

Menurutnya, kajian itu penting dalam keupayaan menentukan kebolehkesanan makanan dalam kawalan kualiti dan keselamatan makanan.

"Melalui sampel kajian itu, kita dapat menjamin makanan berkualiti, selamat dan dapat membuktikan makanan itu tulen serta mengawal pemalsuan di pasaran serta hanya fokuskan produk berasaskan haiwan sahaja," ujarnya.

Pelabuhan unjam tingkat pendapatan nelayan

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Langkakah kerajaan Terengganu memperkayakan sumber perikanan dalam bentuk pelabuhan unjam dan tukuun memberi manfaat besar kepada nelayan.

Menteri Besar, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, berlaku peningkatan penangkapan ikan daripada 33,500.25 tan metrik pada tahun 2022 kepada 46,643.45 tan metrik pada 2023.

Katanya, peningkatan jumlah tangkapan dapat menambah pendapatan nelayan pantai.

"Alhamdulillah, ini contoh yang dikatakan 'beri joran, bukan beri ikan'. Kerajaan negeri laksanakan program itu sejak 2018," katanya pada hantaran di *Facebook* Selasa.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kemaman berharap usaha yang dilakukan memberi manfaat kepada rakyat.

Sementara itu pesta 'Maing Ujang' berjaya mempromosi budaya dan tradisi Terengganu kepada lebih 100 peserta dan pengunjung.



Razali Idris melakukan gimik perasmian Pesta 'Maing Hujung' Setiu Wetlands Race dan Setiu Adventure Park.

disediakan.

Pegawai Daerah Setiu, Ahmad Rizal Mamat berkata, pesta berkenaan membawa pengunjung ke Setiu pada musim tengkujuh dan bermain pelbagai aktiviti yang

'flying fox', 'jungle trekking' dan pelbagai lagi," katanya

pada majlis Pelepasan Pesta 'Maing Hujung' Setiu Wetlands Race dan Setiu Adventure Park di Desa Pancaran

Delima, Kampung Mangkuk, pada Ahad.

Program tersebut dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim negeri, Datof Razali Idris.

Turut hadir, Pengarah Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT), Ahmad Ridzwan Abd Rahman.

Pogram berkenaan diadakan selama tiga hari bermula 9 Februari di beberapa kampung di daerah Setiu.

Rizal juga berkata, penganjuran pesta berkenaan membuka peluang kepada pemain industri termasuk peniaga makanan, cenderamata serta pengusaha bot menjana pendapatan.

"Program ini merupakan kali pertama diadakan bagi menarik pelancong pada musim tengkujuh," katanya.

Sempena program itu Razali turut berkunjung ke Rumah Botol Ayahku. Lokasi tersebut sering mencuri tumpuan pengunjung di Desa Pancaran Delima dengan keindahan panorama Pantai Mangkuk.